

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH¹⁰..... BULAN⁰⁷..... TAHUN²⁰²⁴.....

UMT lepas anak ketam bantu jaga ekosistem laut

UM 10/7/2024 M/S 27.
UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT) telah mengadakan program pelepasan anak benih ketam bagi membantu meningkatkan populasinya sekali gus memastikan nelayan dapat terus memperoleh hasil tangkapan yang mencukupi untuk menyara kehidupan mereka.

Terkini, pihak UMT menerusi Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) berjaya melepaskan kira-kira 55,000 anak benih ketam renjong di pantai berhampiran kampus.

Dalam satu kenyataan, UMT memberitahu, ketam renjong atau nama saintifiknya *Portunus pelagicus*, merupakan spesies yang mempunyai nilai ekonomi tinggi, terutama dalam kalangan komuniti nelayan tempatan.

"Ia memainkan peranan penting dalam rantai makanan laut, sebagai pemangsa kepada beberapa spesies kecil dan mangsa kepada spesies yang lebih besar.

"Dengan pelepasan benih ketam renjong, populasi ketam ini dapat dikekalkan pada tahap yang stabil, seterusnya menyokong keseimbangan ekosistem laut.

"Keseimbangan ini penting untuk memastikan tidak berlaku gangguan yang boleh memberi kesan negatif kepada spesies lain dan keseluruhan ekosistem," demikian menurut kenyataan itu.

Menurut UMT, pelaksanaan program pelepasan benih ketam renjong juga merupakan platform penyebaran pengetahuan mudah dalam meningkatkan kesedaran dan pendidikan komuniti mengenai pentingnya pemuliharaan ekosistem laut.